



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PERLUAS PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DALAM USAHA MEMBENDUNG ISU BULI

KUCHING, 16 OGOS 2025 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menganjurkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) 2025 di Dewan Utama (Balai Budaya) Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak.

Penganjuran program ini merupakan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan suara kanak-kanak didengari, hak mereka dihormati serta kesejahteraan mereka terjamin. Usaha ini turut memfokuskan kepada pencegahan isu buli yang kian membimbangkan, termasuk buli siber, yang memberi kesan besar kepada emosi, keyakinan diri dan keselamatan kanak-kanak.

Menurut statistik JKM Sarawak bagi tahun 2024, sebanyak 1,443 kes berkaitan perkhidmatan kanak-kanak telah direkodkan, termasuk 574 kes memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, 364 kes kehamilan luar nikah, serta 306 kes kanak-kanak terlibat dengan jenayah. Data ini menuntut sistem sokongan awal yang proaktif, di mana PRS memainkan peranan penting sebagai pengesan awal, rakan pendengar dan penghubung kepada bantuan profesional.

Program ini memberi tumpuan kepada pembinaan kapasiti PRS di sekolah menengah sebagai ejen perubahan yang berperanan menyemai empati,

meningkatkan kesedaran hak kanak-kanak, serta membina kemahiran kepimpinan. PRS bukan sahaja menjadi penyampai maklumat, malah membantu mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan bebas buli.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dalam ucapan perasmian menegaskan bahawa isu buli dalam kalangan kanak-kanak bukan lagi merupakan kes terpencil, sebaliknya telah menjadi satu fenomena yang membimbangkan dan memerlukan tindakan segera, terancang serta menyeluruh daripada semua pihak.

Beliau turut menyeru agar kes-kes buli tidak disebarikan secara terbuka di media sosial, demi menjaga privasi dan kesejahteraan mangsa. Sebaliknya, masyarakat digalakkan untuk melaporkan insiden melalui saluran rasmi seperti Talian Kasih 15999 atau WhatsApp ke 019-2615999, bagi memastikan keselamatan dan masa depan kanak-kanak sentiasa terpelihara.

Program ini turut disokong oleh Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang menyediakan ruang selamat untuk kanak-kanak meluahkan perasaan dan mendapatkan bantuan. Pendekatan ini bukan sahaja memberi perlindungan, malah membina keyakinan diri dan kesedaran sosial dalam kalangan generasi muda.

Kerajaan optimis bahawa melalui kerjasama pelbagai pihak, generasi muda yang berani menolak buli, menghormati sesama insan, dan memupuk kasih sayang dapat dibentuk demi masa depan negara yang lebih sejahtera.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 OGOS 2025